



AmBank Islamic

25 Mei 2015

Penyelesaian-i Family First

Pelanggan yang dihargai,

Terima kasih di atas sokongan anda yang berterusan. Harap maklum bahawa selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), kesemua produk deposit yang menggunakan pakai kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) dan *Wakalah bi al-istithmar* (perwakilan untuk tujuan pelaburan) akan diklasifikasikan sebagai produk pelaburan selewat-lewatnya 30 Jun 2015.

Sebagai langkah mematuhi IFSA dan untuk mengekalkan status akaun sedia ada anda sebagai deposit perbankan Islam, kami dengan berbesar hati akan menukar akaun Penyelesaian-i Family First iaitu Akaun-i Harian dan Akaun-i Simpanan Khas di bawah kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) kepada *Wadi'ah Yad Dhamanah* (simpanan dengan jaminan).

Dengan penukaran ini, anda akan terus menikmati ciri-ciri unik dan menarik Penyelesaian-i Family First sedia ada yang di antara lainnya termasuklah mempunyai lebih daripada 10 sub-akaun yang dihubungkan kepada Akaun-i Harian utama anda yang mana merupakan ciri-ciri paling penting bagi perancangan kewangan anda yang bijak dan mudah. Pada masa yang sama, kesemua akaun Penyelesaian-i Family First akan terus layak untuk dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah kontrak *Wadi'ah Yad Dhamanah*, AmBank Islamic mungkin memberikan *hibah* (hadiah) tertakluk kepada budi bicara bank. Ini bermaksud, pembahagian keuntungan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) tidak lagi akan diguna pakai.

Penukaran ini dijadual untuk dilaksanakan pada **21 Jun 2015**. Untuk rujukan anda, sila layari laman web kami di ambankislamic.com untuk melihat Soalan-Soalan Lazim dan Terma & Syarat Khusus bagi Penyelesaian-i Family First. Maklumat terkini mengenai pelaksanaan penukaran juga akan dipaparkan dari semasa ke semasa di laman web kami.

Sekiranya kami tidak mendapat maklum balas daripada anda selewat-lewatnya pada **20 Jun 2015**, pihak kami akan secara automatik menukarkan akaun Penyelesaian-i Family First anda daripada kontrak *Mudarabah* kepada kontrak *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Dengan mengekalkan deposit anda bersama kami selepas tarikh penukaran, ianya dianggap sebagai persetujuan daripada anda dan anda juga bersetuju dengan Terma & Syarat Khusus bagi Penyelesaian-i Family First dan ia akan mengikat anda secara automatik.

Pelaksanaan penukaran akan dijalankan tanpa melibatkan penggantian kad fizikal Family First anda atau penukaran nombor akaun. Sebarang pengaturan sedia ada seperti arahan tetap, auto-debit dan lain-lain akan diteruskan seperti sedia ada.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan ini, sila kunjungi cawangan terdekat kami atau telefon Pusat Panggilan kami di 03-2178 8888.

Terima kasih kerana berurusan dengan Bank Anda. Bank Malaysia. AmBank Islamic.

Yang Benar,

AmBank Islamic Berhad (295576-U)

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER. TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN.